

CNS6753

R GB 20-09 00183 BB617

Bah

MAHATHIR GESA UMAT ISLAM LEPASKANDIRI DARIPADA 'KEMUNDURAN'  
Mahathir - Maulidur

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata umat Islam mestimelepaskan diri dari 'terus' dibelenggu kemunduran dan sentiasa berharap belas ihsan orang lain.

Perdana Menteri berkata Islam melarang umatnya bersikap pasif dan membiarkan orang lain mengaut segala kemewahan dan kejayaan sedangkan umat Islam terus berada dalam kemiskinan dan kejaifan.

+Kebahagiaan hidup di dunia tidak mungkin tercapai tanpa usaha berikhtiar serta berjihad yang berterusan untuk melepaskan diri dari keadaan yang tidak baik kepada keadaan yang lebih baik, + katanya dalam perutusan pada buku cenderamata sempena Perhimpunan Sambutan Maulidur Rasul 1412 Hijrah peringkat kebangsaan di Dataran Pusat Islam di sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Azlan Shah dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Bainun berangkat untuk sambutan itu yang bertemakan +Berjihad Ke Arah Keagungan+.

Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba, menteri-menteri, para pegawai, kanan kerajaan dan wakil diplomatik dari negara-negara Islam turut hadir. Datuk Seri Dr Mahathir kini berada di Mexico untuk lawatan rasmi. --  
Lagi

♥20/09/14-41MST

R GB 20-09 001.78 BB618

Bah

Mahathir - Maulidur 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata tema sambutan itu antara lain bertujuan supaya umat Islam memperingati serta mempertingkatkan kasih sayang kepada Rasulullah.

Sejarah telah membuktikan keagungan yang dicapai oleh umat Islam pada zaman Rasulullah dan selepasnya adalah disebabkan keikhlasan dan kesanggupan mereka bekerja kuat, produktif, berani dan mampu bersaing mengendalikannya pelbagai perkara demi keagungan agama Islam, katanya.

Encik Ghafar pula berkata tema sambutan itu mencerminkan kesungguhan umat Islam untuk mencapai pembangunan yang dikehendaki oleh Islam.

Usaha itu bukan sahaja dapat dicapai dengan bergerak sesama umat Islam sahaja tetapi juga bersama-sama bukan Islam,, katanya kepada pemberita selepas perhimpunan i-l-i-l.

Beliau memberikan eon toh pemberian cenderamata oleh Seri Paduka kepada beberapa orang bukan Islam pada majlis perhimpunan itu sebagai bukti kerjasama rakyat pelbagai kaum dan agama di negara ini.

Seramai 26 orang dari kalangan pemandu teksi, pemandu bas, konduktor bas, anggota bomba, pembacometer, jurugegas, anggota polis dan rmandor menerima cenderamata berupa sijil sebagai penghargaan kerajaan terhadap sumbangan mereka kepada masyarakat. -- Bernama.